



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**10 OKTOBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 562 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 205,516 kes. Sebanyak tujuh (7) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Papar dan Keningau manakala Kinabatangan, Semporna dan Sandakan masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 700 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 191,822 orang. Manakala 2,488 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,002 orang di hospital, 1,473 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, sembilan (9) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala empat (4) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 114 orang merangkumi 107 di ICU/repurposed kritikal care serta tujuh (7) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 47 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 193 (55.14%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Merah 26 daerah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan penurunan yang agak besar iaitu sebanyak (-199) kes dan membolehkan jumlah kes negeri ini berada dibawah paras angka (600) kes. Ini merupakan angka terendah yang dicatatkan sejak 24 Julai 2021. Pada hari ini (562) kes baharu dicatatkan.
- b. Sejalan dengan *trend* penurunan kumulatif harian kes yang agak besar, bilangan daerah yang mencatatkan penurunan kes juga adalah lebih banyak daripada daerah yang mencatat peningkatan kes harian. Sejumlah 18 daerah mencatat penurunan dan lapan (8) daerah mencatatkan peningkatan kes, satu(1) daerah kekal dengan catatan sebagaimana semalam.
- c. Tidak ada daerah yang mencatatkan angka jangkitan baharu tiga (3) angka dan hanya daerah Beluran yang mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka.
- d. Beberapa daerah lain menunjukkan penurunan kes yang agak signifikan iaitu Kota Belud (-36) kes, Kota Kinabalu (-35) kes, Tuaran (-34) kes, Tenom (-26) kes, Kota Marudu (-14) kes, Tambunan (-14) kes, Ranau (-13) kes dan Lahad Datu (-11) kes.
- e. Faktor luaran yang menjadi pembolehubah dalam mempengaruhi angka jangkitan setiap hari tidak boleh diramal dengan tepat kerana masih terdapat kes yang didaftar lewat sehingga 5 hari dan seterusnya. Sebagai misalan Daerah Kota Kinabalu mencatatkan (65) kes yg lewat didaftar antara 2 hingga 3 hari, Penampang (24) kes, Papar (27) kes, Ranau (19) kes dan Tenom (22) kes.
- f. Seperti yang kerap diperingatkan, kejayaan mengawal penularan baru yang akan mengakibatkan peningkatan kes banyak berkait-rapat dengan tahap pematuhan masyarakat terhadap semua SOP yang berkuatkuasa.
- g. Secara perbandingan peratusan kes yang dicatat melalui Saringan Bergejala kekal tinggi, hampir 34%. Ini satu peringatan kepada masyarakat agar sentiasa mematuhi semua SOP sepanjang masa bagi mengelak dijangkiti virus COVID-19.

- h. Jumlah kes secara keseluruhan pada hari ini ialah (562) kes, tetapi kes sebenar yang didaftarkan dalam tempoh 24 jam lepas hanyalah (294) kes, yakni 52.31% daripada jumlah kumulatif kes hari ini.
- i. Pesakit Kategori 2 kekal kumpulan terbesar, hampir 79% (443), Kategori 1, 14.8%(83) kes, Kategori 3, empat (4) kes dan Kategori 4 dan Kategori 5, masing-masing tiga (3) kes. (25) kes lagi masih dalam siasatan.
- j. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (322) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	191	33.99%
3	Kontak	322	57.30%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain	49	8.72%
<b>JUMLAH</b>		<b>562</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (09 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 09/10/2021</b>	<b>Catatan Kes 10/10/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Beluran	15	25	+10
2	Penampang	24	32	+8
3	Tongod	3	9	+6
4	Papar	30	32	+2
5	Kudat	14	16	+2
6	Sipitang	4	6	+2
7	Kalabakan	0	2	+2
8	Pitas	29	30	+1
9	Semporna	8	8	Mendatar
10	Kota Belud	80	44	-36
11	Kota Kinabalu	104	69	-35
12	Tuaran	59	25	-34
13	Tenom	52	26	-26
14	Kota Marudu	35	21	-14
15	Tambunan	14	0	-14
16	Ranau	54	41	-13
17	Lahad Datu	42	31	-11
18	Sandakan	33	26	-7
19	Kinabatangan	14	7	-7
20	Kunak	12	5	-7
21	Keningau	45	40	-5
22	Tawau	20	15	-5
23	Nabawan	8	3	-5
24	Putatan	22	18	-4
25	Beaufort	23	20	-3
26	Telupid	14	11	-3
27	Kuala Penyu	3	0	-3
<b>JUMLAH</b>		<b>761</b>	<b>562</b>	<b>-199</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (26 September – 09 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	34	24	0	11	69	1,289
Kota Belud	0	25	17	0	2	44	743
Ranau	0	21	18	0	2	41	804
Keningau	0	28	9	0	3	40	769
Papar	0	12	19	0	1	32	453
Penampang	0	19	10	0	3	32	409
Lahad Datu	0	11	14	0	6	31	741
Pitas	0	25	5	0	0	30	358
Tenom	0	18	5	0	3	26	488
Sandakan	0	16	9	0	1	26	627
Tuaran	0	18	5	0	2	25	583
Beluran	0	23	1	0	1	25	213
Kota Marudu	0	5	13	0	3	21	694
Beaufort	0	17	3	0	0	20	243
Putatan	0	11	7	0	0	18	243
Kudat	0	2	12	0	2	16	323
Tawau	0	11	3	0	1	15	418
Telupid	0	5	3	0	3	11	150
Tongod	0	8	1	0	0	9	128
Semporna	0	1	3	0	4	8	144
Kinabatangan	0	2	5	0	0	7	349
Sipitang	0	5	1	0	0	6	200
Kunak	0	4	1	0	0	5	140
Nabawan	0	1	2	0	0	3	227
Kalabakan	0	0	1	0	1	2	36
Tambunan	0	0	0	0	0	0	161
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	63
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>322</b>	<b>191</b>	<b>0</b>	<b>49</b>	<b>562</b>	<b>10,996</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tiada Catatan Kluster		

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,796 unit

- Hospital 1,984 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,112 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 36.61%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 10 OKTOBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	555
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	5
<b>Jumlah</b>	<b>562</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	1
Sarawak	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	549
Bukan Malaysia	13
<b>Jumlah</b>	<b>562</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	126
Belum Menerima Vaksin	91
Menerima 1 Dos	36
Lengkap 2 Dos	309
<b>Jumlah</b>	<b>562</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	7
1 to 5	52
6 to 11	67
12 to 17	32
18 to 25	74
26 to 59	272
>60	58
<b>Jumlah</b>	<b>562</b>



## C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 10 Oktober 2021)
1	Ranau	1
2	Tambunan	1
<b>JUMLAH</b>		<b>2</b>

## D KEPUTUSAN KERAJAAN NEGERI BERHUBUNG KEBENARAN UNTUK RENTAS NEGERI

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri akan mempertimbangkan keputusan Kerajaan Persekutuan ini dan mengemukakan cadangan dan perakuan kepada Jemaah Menteri yang bersidang pada hari Rabu ini untuk pertimbangan Kabinet Negeri Sabah akan membuat keputusan.
- 2 Kita ambilkira peratusan penduduk dewasa di Sabah yang telah memperolehi vaksin lengkap belum sampai kepada 90% (hanya sekitar 65%), parasyarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan rentas negeri.
- 3 Sabah masih berada dalam kawalan pergerakan perjalanan mengikut Zon (sistem Zon), dan kawalan rentas daerah diluar kawasan Zon masih berkuatkuasa.
- 4 Pendirian Kerajaan Negeri akan diumumkan pada hari Rabu selepas Mesyuarat Kabinet.

## E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 9 Oktober 2021 adalah seramai 46,589 orang. Daripada jumlah ini, seramai 16,384 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 30,205 orang adalah penduduk remaja.

- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 9 Oktober 2021 adalah seramai 2,369,295 orang. Ini meliputi 2,074,018 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.2% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 1,975,396 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,910,458 orang atau 69.3% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 295,277 orang atau 69.3% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 64,938 atau 15.0% orang setakat ini.

## **F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **646,913** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 33 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 19,766 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 35 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 13 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Dua (2) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Lima (5) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
  - Enam (6) Orang : Aktiviti Pusat Hiburan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 126 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 33 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (2) tangkapan dibuat di bawah Akta Perikanan 1985.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,176 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 594 premis perniagaan dan 849 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 227 Premis Perniagaan melibatkan 112 anggota APM. Sejumlah 22 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 119 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 24 premis, melibatkan 12 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 136 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 101 hebahan di seluruh Sabah.

**H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Sipitang	98%
2	Beaufort	98%
3	Kunak	98%
4	Semporna	98%
5	Beluran	98%
6	Keningau	97.5%
7	Tawau	97.5%
8	Ranau	97.5%
9	Kota Marudu	97.5%
10	Papar	97.5%
11	Lahad Datu	97%
12	Kota Belud	97%
13	Sandakan	97%
14	Kinabatangan	97%
15	Kota Kinabalu	97%
16	Tuaran	97%
17	Kudat	97%
18	Penampang	97%
19	Tenom	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**